

Berbahaslah dengan kritikan membina – Rafidah

KUALA LUMPUR 7 Nov. – “Kritiklah tetapi biar membina,” kata Ketua Pergerakan Wanita UMNO Datuk Seri Rafidah Abdul Aziz kepada pembahas pada Perhimpunan Agung parti itu minggu depan, sambil meminta mereka mengemukakan cadangan munasabah yang boleh diterima oleh barisan pemimpin.

“(Mereka) boleh bangkit isu berkaitan seseorang itu tanpa memalukan mereka... tak perlu nak memalukan seseorang itu kalau perkara yang hendak dibangkitkan itu berkepentingan umum,” katanya pada temuramah khas di sini hari ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, sebarang cadangan yang dikemukakan harus-

lah bernas manakala kritikan yang dibuat perlu berdasarkan fakta hasil daripada kajian yang terperinci.

Contohnya, pada perhimpunan agung UMNO tahun lepas, ada cadangan yang dikemukakan supaya setiap bahagian diberikan 40 permit kelulusan (AP) mengimport kereta setahun, yang bagaikan, “nak suruh orang Melayu belajar jual AP, mengadai kontrak dan Ali Baba.”

“Alahai, balik cara lama. Kita nak ajar orang Melayu buat bisnes melalui francais dengan serius, dengan kontrak. Itupun dikritik,” katanya.

Perhimpunan Agung UMNO 2006 akan berlangsung dari 13 hingga 17 November ini yang akan dihadiri 4,959 perwakilan -

2,554 bagi Perhimpunan Agung UMNO, perhimpunan agung Pemuda (798), Wanita (800) dan Puteri (798). Rafidah turut berpesan supaya pembahas mengelak daripada carut mencarut, hujah kotor yang hanya untuk menggelikan hati serta membuat tuduhan melulu. Bagaimanapun, mereka boleh berjenaka untuk menyerikan majlis.

Pemimpin Wanita UMNO sejak 1984, kecuali untuk tempoh tiga tahun (9 Oktober 1996-9 Mei 2000) apabila beliau gagal mempertahankan jawatannya pada pemilihan UMNO tahun itu berkata: “Sebagai orang Islam jangan sesekali menghina orang atau menjatuhkan air muka orang.

“Kita harus ingat menjatuhkan maruah orang tidak dibenarkan agama,” katanya.

UM-8/11/2006

yang baru sahaja menyambut ulang tahunnya ke-63 pada 4 November lepas.

Rafidah yang menganggotai UMNO sejak 1970 berkata, persidangan Wanita UMNO kali ini akan turut membahaskan usul yang sama seperti Perhimpunan Agung UMNO yang merangkumi usul ucapan dasar Ketua Pergerakan itu, ekonomi dan pendidikan serta isu agama dan sosial.

Beliau bagaimanapun belum mendapat ilham berhubung isu yang akan dibangkitkan dalam ucapan dasarnya pada persidangan itu selain belum memutuskan wakil pergerakan berkenaan bagi membentangkan dan membahaskan usul pada Perhimpunan Agung UMNO nanti.

- Bernama